

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2002/2003

Februari/Mac 2003

HKN 307 – Jesusasteraan Nusantara I: Aspek Teori dan Kritikan

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **ENAM [6]** soalan di dalam **DUA [2]** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **TIGA [3]** soalan sahaja

1. *Pendeknya dari dahulu sampai sekarang sunyi bahasa Melayu itu daripada perbendaharaan ya'ni menyimpan akan mutiara fikiran2 yang besar2 dan tinggi2 pada pada segala pembacaannya; tiada kitab2 yang terisi di dalamnya siasat yang dalam2 atau bekas2 pendapatan pengarang2 yang tinggi2 fikirannya, dan tiada kitab2 cerita atau tarikh yang boleh jadi tauladan atau akan tempat mengambil pengajaran dan iktibar. Bahkan orang2 Melayu hanyalah semenjak sepuluh tahun ini sahaja baharu mendengar perkataan tarikh dengan makna "history" dan mengerti akan makna dan tujuannya. dahulu daripada ini tiap2 cerita atau hikayat dewa mambang dan sebagainya disangkanya benar belaka*
(Renongan, 1964:62-73)

Hurai dan bincangkan pernyataan di atas dalam persekitaran pengaruh "ilmu pengetahuan" dan hegemoni budaya Barat di Tanah Melayu pada abad ke 19/20. Sejauhmanakah pernyataan tersebut mencerminkan era "Pencerahan Timur" dan proses pemodenan yang mengesani dunia Timur pada zaman tersebut?

2. Mengikut Donoghue *epi-reading* ialah:
“Accepting the text as mimetic or representational, seeing it as a window which presents us with the human world beyond its border”.

Berdasarkan definisi tersebut bincangkan mengapakah kaedah bacaan ini dianggap sebagai “weak textualism” oleh Maier, terutama dalam membaca karya-karya historiografi Melayu. Berdasarkan ciri-ciri khas karya ini bincangkan mengapakah kaedah bacaan yang dicadangkan oleh Maier dan Teeuw dapat dianggap sebagai bacaan alternatif yang wajar.

3. Dengan berlatarkan pemahaman anda tentang pemikiran strukturalis, huraikan falsafah mereka yang “does not look through and beyond the text but concentrates on matters of style, internal organization and cross reference to other literary works”. Bagaimanakah ide tersebut membawa kepada dasar-dasar teori intertekstual dan perlihatkan mengapa teori intertekstual ini amat akur dengan stail dan sifat naratif Melayu tradisional.
4. Kecenderungan sastera moden adalah untuk merombak konvensi berdasarkan prinsip-prinsip penyimpangan dan penganehan atau defamiliarisasi. Hubungkan kecenderungan ini dengan gerakan autonomi dalam perkembangan teori sastera moden di Barat dan bincangkan kesannya ke atas karya sastera dan pembacaannya.
5. Teori Lotman tentang struktur teks sastera dapat digunakan untuk memahami perbezaan di antara sistem sastera tradisional dan moden. Huraikan teori tersebut, dan dengan merujuk kepada sastera Melayu, bincangkan faktor-faktor budaya yang menyumbang kepada ciri-ciri kelainan sastera Melayu tradisional dan moden.
6. Apakah implikasi pernyataan Barthes tentang “kematian pengarang” terhadap bacaan karya kesusasteraan? Perihalkan latar kemunculan pandangan tersebut dan bincangkan kewajaran dan kelebihannya untuk meneliti sastera Melayu tradisional dan moden.